

## AKTIVITI UTAMA KEY ACTIVITIES

- Menaik taraf dan menyediakan lebih banyak fasiliti sepanjang denai pendakian ke Gunung Korbu seperti parkir, tapak perkhemahan, tempat penyimpanan air minuman dan lain lain.

*Enhance and provide more facilities along the Mount Korbu eco-trail such as benches, camp sites, potable water storage, etc.*

- Mengadakan latihan bagi orang komuniti Orang Asli sebagai pembantu pendakian/pemandu pelancong dengan kerjasama Jabatan Perhutanan.

*Conduct training for Asli community members as porters or tour guides in partnership with the Forestry Department.*

- Menubuhkan sebuah jawatankuasa peringkat komuniti bagi memantau dan mengurus aktiviti yang dilaksanakan.

*Establishing a committee at community level to monitor and manage the implemented activities.*

- Menaik taraf dan menyediakan fasiliti lengkap di sepanjang eko-denai berbasikal lasak Kampung Tonggang.

*Enhance and provide needed facilities along the mountain bike eco-trail at Kampung Tonggang.*

- Menyokong eko-pelancongan dengan pembinaan kemudahan seperti chalet mini, pondok istirehat, kawasan letak kenderaan dan lain-lain di kawasan pinggir Sungai Seno'oi.

*Support eco-tourism by building facilities such as mini chalets, mini hut, parking area and etc. along Seno'oi River.*

- Menubuhkan aktiviti edu-pelancongan dan kebajikan masyarakat melalui penubuhan Pusat Pembelajaran Terbuka Sungai Seno'oi dan perlaksanaan inisiatif program pendidikan air, sanitasi dan kebersihan (WASH).

*Establish community edu-tourism and welfare activities through the establishment of Seno'oi River Open Classroom and implementation of the Water, Sanitation and Hygiene (WASH) education programme initiative.*

- Membangunkan pelan perniagaan dan mempromosikan kedua-dua eko-denai dan aktiviti di Kampung Makmur dan Kampung Tonggang.

*Development of business plans and promote both eco-trails and activities in Kampung Makmur and Kampung Tonggang.*

- Penambahbaikan struktur pengurusan dan operasi melalui pendaftaran secara rasmi organisasi berdasarkan komuniti KRT Klebang Selatan untuk mengoperasikan Pusat Sehenti.

*Improvement of management and operation structure by an official registration of community-based organisation, KRT Klebang Selatan to operate a One Stop Centre (OSC).*

- Penubuhan kawasan kebun hijau di KRT Klebang Selatan melalui penyediaan sistem penyiraman pintar serta pengurusan sisa organik yang sistematis.

*Establishment of a green community garden at KRT Klebang Selatan through smart watering system set-up and systematic organic waste management.*

- Penubuhan pertanian bandar melalui konsep pertanian menegak di sebuah kawasan perintis komuniti rumah flat di sekitar Lembangan Hulu Kinta.

*Establishment of urban farming through vertical garden concept at a pilot high-rise community site within Upper Kinta Basin.*

- Menyediakan latihan tentang pemakanan dan masakan sihat yang berkaitan dengan pertanian bandar.

*Training on healthy diet and cooking linked to urban farming.*

## PENDEKATAN SAINS SIVIK CIVIC SCIENCE APPROACH

Sains Sivik merupakan pendekatan untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dengan menghubungkan minda (pemikiran) turun ke hati, melalui perlaksanaan inisiatif berdasarkan komuniti dan memberi pengetahuan, kesedaran dan kemahiran kepada orang ramai untuk mengambil tindakan terhadap isu alam sekitar.

*Civic Science is an approach to encourage community participation by connecting the mind (thoughts) down to the heart, through creating community-based initiatives and imparting knowledge, awareness and skills to the public to take action on environmental issues.*

### PENDEKATAN LEMBUT & EMOSI SOFT & EMOTIONAL APPROACH




### PENDEKATAN SAINS SCIENCE APPROACH



[WWW.GEC.ORG.MY](http://WWW.GEC.ORG.MY)



GLOBALENVIRONMENTCENTRE




[WWW.RIVERRANGER.MY](http://WWW.RIVERRANGER.MY)



RIVERCAREPROGRAMME

# PROJEK PENAMBAHBAIKAN KELANGSUNGAN HIDUP & KESELAMATAN MAKANAN KOMUNITI DI LEMBANGAN HULU KINTA SEBAGAI SEBAHAGIAN KETAHANAN TERHADAP PKP COVID-19

EMPOWERING COMMUNITY  
LIVELIHOOD IN UPPER KINTA BASIN  
AS PART OF POST COVID-19  
MCO STRATEGY



## LATAR BELAKANG BACKGROUND

Projek ini adalah kesinambungan dan penambahbaikan pembentukan yang diterima sebelum ini di bawah Geran Khas Yayasan Hasanah (YH) 2020, iaitu Memperkasakan Kehidupan Komuniti di Lembangan Hulu Kinta sebagai sebahagian daripada Strategi Pasca Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19. Perintah kawalan pergerakan selama lebih satu tahun yang bermula pada Mac 2020 telah memberi kesan ketara kepada pendapatan masyarakat di kawasan projek.

*This project is the continuation and enhancement from the previous funding received under the Yayasan Hasanah (YH) Special Grant 2020 - Empowering Community Livelihood in Upper Kinta Basin as part of post Covid-19 MCO Strategy. The movement control order of over one year which started in March 2020 have significantly impacted the income of the communities at the project site.*


Pergerakan Orang Asli yang bergantung pada penjualan hasil hutan dan bekerja secara bila perlu di bandar berhampiran Tanjung Rambutan dan bandar Ipoh menjadi terbatas hanya di kampung mereka dengan sumber pendapatan yang terhad. Tambahan pula, keterbatasan dalam kemahiran dan keupayaan untuk memasarkan dan menjamin pendapatan berterusan telah meningkatkan kebergantungan mereka kepada bantuan luar untuk mendapatkan makanan dan wang tunai bagi membeli barang keperluan.

*The movement of Orang Asli communities whose income depend on forest resources and odd jobs nearby town of Tanjung Rambutan and Ipoh city are restricted within their villages with limited source of income. In addition, their limited skills to market and secure steady income has increased their dependency on external aid for food and cash to buy other necessities.*

Inisiatif yang dicadangkan adalah untuk memastikan masyarakat mampu menyara diri mereka melalui sokongan untuk menambahbaik kawasan eko-pelancongan yang boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan alternatif. Selain itu, kebun komuniti sebagai sumber makanan boleh membuka minda dan meningkatkan motivasi komuniti dalam merancang pelan tindakan pasca Covid-19 serta memberi kesan positif terhadap kesihatan mental mereka. Secara ringkasnya, pelan tindakan yang dicadangkan bukan sahaja akan menyediakan penyelesaian segera dan jangka pendek dari segi keselamatan makanan tetapi juga dalam mata pencarian yang mampan dan menjamin kesihatan mental komuniti yang terlibat.

*The proposed initiatives aim to ensure the communities are able to earn for themselves through providing support to enhance community-based ecotourism sites as an alternative source of income. Other than that, food farming as a sustainable food supply may open the communities' minds and motivate them to plan beyond the pandemic which promotes positive mental health. The proposed action plan will provide an immediate and short-term solution for food security, sustainable livelihood and secure the mental health of the communities engaged.*

## KAWASAN PROJEK PROJECT AREA



## MATLAMAT/FOKUS UTAMA MAIN FOCUS/GOAL

- Untuk memastikan komuniti sasar berkemampuan meneruskan kelangsungan hidup kesan daripada pandemik dan bersedia ke arah kehidupan norma baharu pasca Covid-19.

*To ensure the targeted communities are able to survive the impact of the pandemic on their current livelihood and be prepared for a new norm post Covid-19.*

- Menyediakan jaminan keselamatan makanan semasa peringkat pemulihan dan menambahbaik kemahiran serta menyediakan komuniti dan kawasan mereka dalam menjana semula pendapatan atau sumber kehidupan alternatif selepas Covid-19.

*Providing a steady food security during the recovery stage and enhance the skills as well as prepare the communities and their sites to regenerate alternative income or source of living post Covid-19.*

## PENERIMA MANFAAT BENEFICIARIES

Komuniti Orang Asli, Komuniti Bandar/Pinggir Bandar, Agensi dan Jabatan Kerajaan.

*Orang Asli Community, Urban/Peri-urban Community, Government Agencies and Departments.*

## OBJEKTIF 1 OBJECTIVE 1

Menambahbaik kelangsungan hidup komuniti Orang Asli di Kampung Tonggang dan Kampung Makmur sekitar Lembangan Hulu Kinta.

*To enhance the alternative livelihood of the Orang Asli communities at Kampung Tonggang and Kampung Makmur located within Upper Kinta Basin.*

- Menambahbaik fasiliti dan pembinaan keupayaan kepada eko-denai yang baru dibina bagi pendakian ke Gunung Korbu untuk Komuniti Orang Asli Kg Makmur.

*Enhance the facilities and promote eco-tourism package and capacity building for newly built eco trail to Mount Korbu for Kg Makmur Orang Asli community.*

- Menambahbaik eko-denai berbasikal lasak, penubuhan kawasan rekreasi pinggir sungai dan mempromosi pendidikan eko-pelancongan di Kampung Tonggang.

*Enhance the mountain bike eco trail, establish riverside recreation space and promote edu-ecotourism in Kampung Tonggang.*

- Mempromosikan dan memasarkan bagi inisiatif di perkampungan Orang Asli Kampung Makmur dan Kampung Tonggang.

*Promote and market the initiatives for Orang Asli villages of Kampung Makmur and Kampung Tonggang.*

## OBJEKTIF 2 OBJECTIVE 2

Menambahbaik Pusat Sehenti KRT Klebang Selatan dan projek kebun bandar sebagai model alternatif kelangsungan hidup komuniti bandar.

*To enhance the KRT Klebang Selatan One Stop Centre and urban farming project as urban community alternative livelihood model.*

- Menambahbaik mekanisme, pembungkusan produk dan operasi Pusat Sehenti KRT Klebang Selatan.

*Enhance the mechanism, product packaging and operation of the One Stop Centre.*

- Menambahbaik kelestarian alam sekitar melalui kebun komuniti.

*Enhance environmental sustainability of the community garden.*

## OBJEKTIF 3 OBJECTIVE 3

Mempromosi pertanian bandar kepada komuniti baharu di sekitar Lembangan Sungai Kinta dalam menambahbaik keselamatan makanan, kebijakan komuniti dan nutrisi.

*To promote urban farming to the new communities within Upper Kinta Basin to enhance food security, community welfare and nutrition.*

- Menggalakkan pertanian bandar sebagai sebahagian daripada inisiatif kelestarian keselamatan makanan dan nutrisi.

*Encourage urban farming practices as part of sustaining food security and nutrition initiatives.*